

• EK
ECONEWS

SYARIKAT PENERBANGAN KEDUA TAK BERMAKNA K'JAAN LONGGARKAN INDUSTRI ITU

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Langkah kerajaan untuk menubuhkan syarikat penerbangan kedua di negara ini tidak bermakna kerajaan melonggarkan industri penerbangan itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Ia ditubuhkan untuk permintaan yang tidak dapat dipenuhi oleh syarikat penerbangan negara, Sistem Penerbangan Malaysia," kata beliau.

Katanya, terdapat laluan di mana Penerbangan Malaysia tidak dapat berkhidmat kerana tidak berdaya maju daripada segi kewangan untuk mereka dan itulah sebabnya negara ini memerlukan syarikat penerbangan kedua untuk memenuhi laluan yang lain itu.

Syarikat penerbangan itu boleh mendapat wang dengan baik daripada destinasi yang tidak disediakan oleh Penerbangan Malaysia, katanya pada perbincangan panel mengenai "Penswastaan - Generasi Akan Datang Dan Cabaran Di Hadapan," yang dianjurkan oleh PNB Corporate Development Sdn Bhd dan Persatuan Bank-Bank Saudagar Di Malaysia.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa peraturan yang sama akan dikenakan kepada kedua-dua syarikat penerbangan itu daripada segi tambang dan aspek lain.

-- Lagi

EK
ECONEWS

SYARIKAT PENERBANGAN 2 KUALA LUMPUR

Dr. Mahathir berkata demikian ketika menjawab satu pertanyaan mengenai kelonggaran peraturan industri penerbangan di Amerika Syarikat yang telah menyebabkan banyak syarikat penerbangan ditutup kerana bersaing di antara satu sama lain.

Sebelum kelonggaran industri itu di AS, katanya, banyak syarikat penerbangan itu memperolehi pencapaian yang baik tetapi persaingan sengit kemudiannya telah menyebabkan syarikat penerbangan di sana mula mengurangkan tambang sehingga mereka tidak dapat mengatasi kos.

Malah sesetengah syarikat penerbangan itu tidak dapat menyelenggarakan pesawat mereka dan dalam kes Eastern Airlines, ia telah menyebabkan kemalangan, kata beliau dan menambah, keadaan itu merupakan kes "siapa yang boleh bertahan lama".

Apabila sesebuah syarikat itu ditutup, ia merupakan kerugian kepada negara daripada segi pembayaran cukai dan kepada rakyat daripada segi perkhidmatan, kata beliau dan menegaskan kerajaan tidak akan melonggarkan peraturan industri itu sehinggakan menyebabkan syarikat bankrap.

Dr. Mahathir berkata, dasar kerajaan adalah untuk mengurangkan peraturan-peraturan yang tidak diperlukan tetapi, tambahnya, sektor swasta yang mahukan beberapa industri dikawal peraturannya.

Sementara itu beliau juga berkata, kerajaan akan melihat peruntukan undang-undang bagi membolehkan syarikat swasta mengambil tindakan mahkamah ke atas mereka yang enggan membayar caj tol kerana ketika ini tidak terdapat peruntukan itu. -- Bernama

EK